

Chun Sing: Konflik Iran boleh ubah strategi jangka panjang Singapura

Keselamatan tenaga bakal jadi cabaran terbesar S'pura 50 tahun akan datang

NIZAM ISMAIL
nizam@sph.com.sg

Kesan konflik Iran berpotensi mengubah secara menyeluruh keutamaan strategik jangka panjang Singapura, dengan Menteri Pertahanan, Encik Chan Chun Sing, berkata isu keselamatan tenaga mungkin menjadi cabaran paling penting bagi republik ini dalam tempoh 50 tahun akan datang.

Dalam sesi soal jawab di Persidangan Tahunan Institut Timur Tengah (MEI) Universiti Nasional Singapura (NUS) di Hotel Orchard pada 23 Jun, Encik Chan berkata ketidakstabilan geopolitik global, gangguan terhadap laluan perdagangan dunia dan konflik di Timur Tengah telah menunjukkan betapa rapuhnya sistem ekonomi dan tenaga antarabangsa ketika ini.

“Di Singapura, selama 50 tahun lalu, air merupakan cabaran utama kami. Untuk 50 tahun akan datang pula, tenaga akan menjadi cabaran utama Singapura,” katanya.

Menurut Encik Chan, konflik di Iran dan perang Russia-Ukraine bukan sahaja memberi kesan kepada harga minyak dunia, malah membangkitkan persoalan lebih besar mengenai keselamatan tenaga, kestabilan rantaian bekalan dan daya tahan ekonomi negara-negara kecil yang bergantung kepada perdagangan global seperti Singapura.

Beliau berkata Singapura tidak lagi boleh menganggap bahawa laluan perdagangan antarabangsa, aliran tenaga



Menteri Pertahanan, Encik Chan Chun Sing (kiri), menyuarakan pandangannya semasa Persidangan Tahunan Institut Timur Tengah (MEI) 2026 di Hotel Orchard pada 23 Jun, yang dikendalikan moderator, Profesor Joseph Liow daripada Universiti Nasional Singapura (NUS). – Foto ST

global dan kestabilan geopolitik akan sentiasa terjamin dalam dunia yang semakin berpecah-belah akibat persaingan kuasa besar.

Katanya, konflik semasa turut menyierlahkan kelemahan laluan maritim strategik seperti Selat Hormuz yang menjadi laluan utama penghantaran minyak dan gas dunia.

Encik Chan berkata sebarang cubaan untuk “mempersenjatakan geografi” dengan menggunakan laluan perdagangan atau kedudukan strategik sebagai alat tekanan politik boleh menjejaskan kestabilan sistem perdagangan antarabangsa.

Beliau berkata jika negara-negara mula menyekat akses kepada laluan perdagangan penting atas sebab politik atau keselamatan, tindakan itu boleh mencetuskan ketidakstabilan lebih besar dan mengakis keyakinan terhadap sistem antarabangsa yang berasaskan

peraturan.

Menurut Encik Chan, keadaan sedemikian amat berbahaya bagi negara kecil seperti Singapura yang bergantung sepenuhnya kepada perdagangan antarabangsa dan laluan laut terbuka.

Dalam konteks itu, beliau berkata Singapura dan Asean perlu mempercepat usaha memperkukuh kerjasama tenaga dan prasarana serantau bagi mengurangkan risiko gangguan akibat konflik global.

Beliau menekankan bahawa pembangunan Grid Tenaga Asean boleh menjadi antara penyelesaian strategik paling penting bagi rantau ini dalam jangka panjang.

Katanya, rangkaian tenaga serantau yang lebih bersepadu akan membolehkan negara-negara Asean berkongsi sumber tenaga yang lebih bersih, murah dan stabil merentasi sempadan.

Beliau turut mengaitkan isu kesela-

matan tenaga dengan masa depan ekonomi digital dan kecerdasan buatan (AI), yang memerlukan penggunaan tenaga elektrik pada skala jauh lebih besar.

Menurut Encik Chan, daya saing ekonomi masa depan Singapura dan Asean bergantung kepada kemampuan mendapatkan sumber tenaga yang bersih, mampan dan boleh dipercayai.

“Jika kita mempunyai sumber tenaga yang lebih bersih, mampan dan boleh dipercayai, kita akan lebih mampu bersaing dalam ekonomi baharu yang sangat memerlukan tenaga, termasuk pusat data, kuasa pengkomputeran dan industri berkaitan AI,” katanya.

Selain isu tenaga, Encik Chan turut memberi amaran mengenai hakisan undang-undang dan norma antarabangsa akibat konflik global yang semakin meningkat.

Beliau berkata konflik di Timur Tengah dan Ukraine telah menimbulkan persoalan sama ada negara-negara masih komited menghormati peraturan antarabangsa berkaitan perdagangan, laluan maritim dan kedaulatan negara.

Menurutnya, kelemahan sistem antarabangsa berasaskan peraturan akan menjadikan dunia lebih tidak stabil dan berbahaya, terutama bagi negara kecil.

Encik Chan turut menyentuh ancaman terhadap prasarana di bawah laut seperti kabel komunikasi dan saluran tenaga yang kini menjadi tulang belakang ekonomi digital global.

Beliau berkata Singapura sedang bekerjasama dengan beberapa negara lain untuk membincangkan keperluan mewujudkan peraturan dan perlindungan baharu bagi prasarana di bawah laut.